



AHMED RAZMAN



MOHD. IZANI



MAZLAN ALI

Senarai penuh Kabinet wajar diumumkan segera - Penganalisis

KUALA LUMPUR 13 Mei - Senarai penuh Kabinet bukan sahaja sewajarnya diumumkan dengan kadar segera tetapi juga memenuhi kehendak semua pihak termasuk parti komponen dalam Pakatan Harapan (PH) bagi memastikan kestabilan politik negara sentiasa terjamin.

Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Madya Dr. Mohd. Izani Mohd. Zain** berkata, dasar pendekatan PH yang mengamalkan kesepakatan secara konsensus dengan menolak dominasi sesebuah parti wajar dihormati.

Katanya, pengumuman menteri Kabinet baharu perlu dilakukan dengan kadar segera bagi mengelakkan lebih banyak spekulasi negatif tersebar.

"Rakyat berharap salah faham berikutan kenyataan Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli dapat diselesaikan secara baik tanpa ada pihak yang terkilan dan sebagainya kerana pengakhirannya, kerajaan baharu ini akan berkhidmat untuk rakyat," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas tindakan Rafizi yang mendakwa pengumuman tiga menteri kanan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam dibuat tanpa perbincangan daripada partinya.

Semalam, Dr. Mahathir mengumumkan pelantikan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng sebagai Menteri Kewangan; Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin (Menteri Dalam Negeri) dan Presiden PAN, Mohamad Sabu sebagai Menteri Pertahanan.

Sementara itu, Panel Perunding Politik Demokrasi, Majlis Profe-

sor Negara (MPN), **Dr. Mazlan Ali** berkata, kenyataan yang dilakukan Rafizi disifatkan sebagai tindakan kurang cermat apatah lagi beberapa hari selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri merupakan saat getir untuk mengukuhkan kedudukan negara.

"Pada pandangan saya, kepimpinan parti komponen haruslah menyerahkan sahaja perbincangan mengenai pembentukan Kabinet dalam mesyuarat Majlis Presiden PH, tidak perlu mengeluarkan kenyataan sedemikian kerana rakyat sedang memerhatikan tindakan mereka.

"Tidak timbul isu tidak berbincang dengan PKR dan sebagainya kerana semestinya Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail menghadiri setiap mesyuarat Majlis Presiden," katanya.

Dalam pada itu, pensyarah Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff** berpendapat, salah faham yang timbul berkaitan pelantikan menteri Kabinet tidak akan memberi impak besar kepada kedudukan ekonomi negara.

"Kedudukan ekonomi negara lebih banyak ditentukan oleh asas ekonomi di samping permintaan dan penawaran. Jadi walaupun terdapat perselisihan faham dalam kerajaan, urusan perdagangan masih berjalan seperti biasa.

"Apa yang lebih memberi impak kepada kedudukan ekonomi ialah ketidaktentuan mengenai polisi dan dasar yang akan diperkenalkan nanti. Sebagai contoh, penamatan kontrak projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan memberi impak kepada bagaimana kerajaan mahu menangani perjanjian yang dimeterai," katanya.